# 50 Peratus Penduduk Dewasa Lengkap Dua Dos Vaksin Menjelang 31 Ogos – Khairy

20 jam lalu   Berita Lain

JEMPOL, 1 Ogos – Kerajaan optimis dapat mencapai sasaran 50 peratus penduduk berumur 18 tahun ke atas di negara ini aklan melengkapkan dua dos suntikan vaksin COVID-19 menjelang 31 Ogos ini, kata Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata sasaran itu mampu dicapai susulan kadar vaksinasi yang tinggi ketika ini selain 29 peratus daripada penduduk dewasa telah melengkapkan kedua-dua dos vaksin, setakat ini.

“Sebanyak 59 peratus lagi daripada penduduk negara ini telah menerima satu dos.

“Saya telah umumkan bahawa pada Hari Kebangsaan 31 Ogos ini, 50 peratus populasi dewasa akan menerima suntikan vaksin sepenuhnya, itulah sasaran baharu kita,” katanya kepada pemberita selepas melawat pusat pemberian vaksin (PPV) bergerak di perkampungan Orang Asli Kampung Batu Peti di sini hari ini.











Untuk rekod setakat semalam, seramai 20,533,660 individu telah divaksinasi di seluruh negara membabitkan 13.8 juta untuk dos pertama manakala 6.7 juta individu lengkap kedua-dua dos.

Sementara itu, Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata operasi vaksinasi tanpa janji temu atau jumpa terus (walk-in) akan diperluaskan ke negeri lain dalam masa terdekat dengan keutamaan diberikan kepada golongan warga emas.

Beliau berkata perkembangan mengenai perkara itu akan diumumkan dari semasa ke semasa bergantung kepada bekalan vaksin dalam negara.

"Kebanyakan negeri kita akan umumkan *walk-in* khusus untuk warga emas, saya rasa hampir kesemua negeri akan menjalankan janji temu secara walk-in dalam masa terdekat," katanya.

Dalam perkembangan lain, Khairy berkata kerajaan sedang memperhalusi draf kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) yang akan diberikan kepada penerima dua dos vaksin COVID-19 dan akan diumumkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam waktu terdekat.

Dalam pada itu, Khairy memaklumkan setakat ini beliau berpuas hati dengan perkembangan Program Outreach Vaksinasi COVID-19 di kawasan terpencil terutamanya di perkampungan Orang Asli.

Katanya kerjasama daripada wakil rakyat di kawasan terlibat, Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) serta


LIVE

UMNO O
Like Pag









Facebook
Likes Like Kami

154439
Followers

Follow Kami

Instagram
Followers
Follow Kami

langkah proaktif Tok Batin yang menawarkan diri untuk divaksin terlebih dahulu meningkatkan lagi keyakinan komuniti Orang Asli untuk menerima suntikan vaksin.- *BERNAMA*

## Berita Berkaitan



**71.9 Peratus Populasi Dewasa Di Lembah Klang Telah Terima Satu Dos Vaksin - Khairy**



**Jumlah Pemberian Vaksin Lebih 15 Juta Dos Setakat Semalam - Dr Adham**



**COVID: 666,495 Individu Terima Dua Dos Vaksin Setakat Semalam - Dr Adham**



**589,951 Individu Terima Dua Dos Vaksin Setakat Semalam - Dr Adham**



**Tiada Lagi Dasar 'Satu Dos Suntik, Satu Dos Simpan' Percepatkan Proses Vaksinasi**



**Malaysia Pertimbang Pemerolehan Vaksin COVID-19 Cansino Satu Dos**

---


Telegram

Telegram

Sertai Kami

Linkedin

connections

Ikuti Kami

App Store

infoPUMAS App

Play Store

infoPUMAS App

RSS

Subscribe

Langgan







TABUNG PERJUANGAN
CIMB BANK BERHAD
86 - 0325726 - 6

Berita Terkini

- Tindakan Radikal Untuk Putuskan Rantaian COVID-19 – Dr Asyraf
- Tindakan Membelakangi Titah Agong Sesuatu Yang Amat Dikesali – Shahaniza Shamsuddin
- Langgar Peruntukan Perlembagaan, Kerajaan Mesti Bertangungjawab Sepenuhnya – Megat Zulkarnain
- Rakyat Parlimen Pagoh Terabai, Muhyiddin Pilih 'Bulu' Bagi Bantuan – Ismail Mohamed
- Parlimen Perlu Diadakan Dalam Masa Terdekat… Banyak Persoalan Belum Terjawab – Ahmad Zahid
- Wujud Unsur Manipulasi Berkenaan Ulasan Proklamasi dan Ordinan Darurat – Wan Rosdy

UMNO ONLINE

YouTube 650

## Video Terkini

- JUMAAT 30 JULAI 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- UMNO ONLINE Live Stream
- Sidang Media Ahli Parlimen Pekan
- KHAMIS 29 JULAI 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- Kenyataan Istana Negara cetus kekecohan sidang khas Dewan Rakyat
- Covid-19: Kerajaan belanjakan RM530 bilionArtikel Penuh – Menteri Kewangan

## Podcast Terkini

- JUMAAT 30 JULAI 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- KHAMIS 29 JULAI 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- RABU 28 JULAI 2021 – BERITA PUMAS 5@5

- SELASA 27 JULAI 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- ISNIN 26 JULAI 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- JUMAAT 23 JULAI 2021 – BERITA PUMAS 5@5

TERKINI | KEMASKINI | DIREKTORI & ALAMAT | PENAFIAN & PRIVASI | HUBUNGI KAMI | UMNO | BN |

Powered by WordPress and Smartline.